

**MCA Mahu Rampas Sembilan Kerusi Dun Johor Daripada Pembangkang  
Bernama  
Oct 26, 2014**

JOHOR BAHARU, 26 Okt (Bernama) -- Faktor kembalinya sokongan pengundi Cina kepada Barisan Nasional (BN) akhir-akhir ini memberikan keyakinan kepada MCA untuk merampas kembali sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, yang ia tewas pada pilihan raya umum 2013 (PRU13), daripada pembangkang.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Wee Ka Siong yang juga Timbalan Presiden MCA berkata parti itu akan meningkatkan jenteranya bagi mempertahankan dua kerusi DUN Johor yang dimenangkinya pada PRU13 iaitu Paloh dan Pulai Sebatang.

"Beberapa pilihan raya kecil sebelum ini seperti Parlimen Teluk Intan dan DUN Kajang menunjukkan sokongan pengundi Cina sudah kembali kepada BN," katanya pada sidang media selepas merasmikan pejabat MCA Bahagian Johor Baharu padad Ahad.

Pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan 31 Mei lepas, Wee berkata sokongan pengundi dalam kalangan masyarakat Cina terhadap BN mencatatkan peningkatan 14.5 peratus berbanding pada pilihan raya umum sebelumnya.

Analisis MCA juga menunjukkan trend sama di mana sokongan pengundi Cina pada pilihan raya kecil DUN Kajang juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

Berikutan trend peningkatan sokongan pengundi Cina terhadap BN, beliau berkata MCA akan melipatgandakan usaha untuk merampas kembali sembilan kerusi DUN yang majoriti undi kemenangan pembangkang adalah di bawah 10 peratus.

Antara kerusi berkenaan ialah Stulang, Parit Yaani, Johor Jaya dan Mengkibol, kata Wee yang juga Ahli Parlimen Ayer Hitam itu.

Selain itu, katanya parti komponen BN akan merangka strategi bagi mempertahankan empat kerusi Parlimen dan merampas semula empat kerusi lain termasuk Gelang Patah yang dimenangi pembangkang tahun lepas.

Selain Ayer Hitam, kerusi Parlimen milik MCA ialah Labis, Tebrau dan Tanjung Piai.

Anggota Parlimen Johor Baharu Tan Sri Shahrir Abdul Samad, yang turut hadir pada majlis itu, berkata BN mempunyai peluang yang baik untuk merampas semula Parlimen Gelang Patah yang kini disandang oleh Penasihat DAP Lim Kit Siang.

Johor mempunyai 26 kerusi Parlimen dan 56 kerusi DUN.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1079707>